



**KERJA-KERJA PENYIASATAN TAPAK (SOIL INVESTIGATION)
DI ALUR PELAYARAN UTARA DAN SELAT KELANG UTARA,
PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Para Pelaut, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 21 Februari 2006.

Dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja penyiasatan tapak (*soil investigation*) akan dijalankan di alur pelayaran Utara dan Selat Kelang Utara, Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 21 hari mulai dari 28 Februari 2006. Tapak-tapak kerja penyiasatan tapak yang terlibat terletak pada kedudukan Lat. 03° 10' 35.6" Utara / Long. 101° 14' 31.0" Timur, Lat. 03° 09' 36.5" Utara / Long. 101° 15' 38.0" Timur, Lat. 03° 08' 29.3" Utara / Long. 101° 16' 34.3" Timur, Lat. 03° 07' 21.8" Utara / Long. 101° 17' 30.9" Timur, Lat. 03° 06' 14.3" Utara / Long. 101° 18' 27.5" Timur, Lat. 03° 05' 06.7" Utara / Long. 101° 19' 24.1" Timur dan Lat. 03° 03' 59.3" Utara / Long. 101° 20' 20.7" Timur.

2. Dua buah vesel akan terlibat dalam kerja-kerja tersebut iaitu sebuah barj (*landing craft*) bernama "Merlimau Transporter" dan sebuah bot tunda (*tug boat*) bernama "Dolwang". Perlu dimaklumkan juga bahawa kedua-dua vesel tersebut akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh kerja.

3. Selaras dengan itu, semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui tapak-tapak kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel dan kawasan kerja terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran /
Penyelia Pusat VTS-MRCC)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.